

|            |                                |             |                     |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Kecerdikan Hairi Safwan teruji |             |                     |
| MediaTitle | Kosmo Ahad                     |             |                     |
| Date       | 27 Oct 2013                    | Color       | Full Color          |
| Section    | Semasa                         | Circulation | 120,848             |
| Page No    | 48                             | Readership  | 269,000             |
| Language   | Malay                          | ArticleSize | 631 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                            | AdValue     | RM 7,560            |
| Frequency  | Daily                          | PR Value    | RM 22,681           |



# Kecerdikan Hairi Safwan teruji

**A** NUGERAH aktor terbaik di pentas teater tidak menjanjikan bulan dan bintang buat Hairi Safwan. Cukup sebagai pelantar untuk dia bergerak laju dalam menggapai cita-citanya dalam seni persembahan. Apa yang dipelajarinya dari pentas teater kini membawa anak jati Alor Setar, Kedah itu sebagai antara pelakon yang semakin bersinar.

Empat tahun dalam industri, gelaran yang diraih sebagai juara pertandingan realiti *Anak Wayang* itu juga tidak mempopularkan namanya seperti yang diraih juara-juara pertandingan bakat lain seperti *Akademi Fantasia*, *Raja Lawak* dan lain-lain.

"Dalam beberapa tahun ini, komedi jadi bentuk hiburan yang sangat digemari, program lawak bercambah-cambah. Nyanyian dan penyanyi pula bidang yang popular tapi lakonan agak berbeza. Cukup aspek yang dimahukan oleh pelakon, kena pula dengan karya yang beri impak, popularlah. Mungkin saya belum dapat peluang itu, saya pun ikut sahaja laluan yang datang kepada saya dan tidak perlu menaruh harapan terlalu besar, kalau tak dapat, kecewanya teruk," ujar Hairi yang kini muncul menerusi drama slot Aksi, *Aku* di TV3.

Dalam masa yang sama, pelakon yang kerap melakonkan watak serius itu turut memeriahkan sebuah program baharu, *Liga Lawak Superstar* di TV3. *Liga Lawak Superstar* dikatakan mirip program komedi popular, *Super Spontan* yang sudah mempunyai pengaruh kuat di Astro Warna.

"Saya tak ada niat masuk program itu untuk jadi popular. Ketika diberi tawaran, awal-awal lagi saya beritahu bahawa saya bukan pelakon komedi, rupa-rupanya itu juga syarat yang dimahukan pihak penerbit. Nampak macam sama, tapi ujian-ujian yang diberikan kepada kami dalam program itu berbeza. *Liga Lawak Superstar* bukan cari pelawak sebaliknya uji kecerdikan pelakon. Itu yang saya

nampak.

"Kalau kami gagal dalam ujian lawak yang diberikan, maknanya kami tak cerdik," jelas Hairi yang bergabung dengan Bell Ngasri dan Izhah Ismail dalam *Liga Lawak Superstar*.

Dalam waktu terdekat, Hairi juga

bakal muncul dengan telemovie berjudul *Biniku Hantu Langsuir* di TV9 serta sitkom *Mai Ceq Mai*, sebuah adaptasi daripada dramatari tradisional mek mulong untuk RTM yang akan memulakan penggambaran bulan depan.

Kata Hairi, sebuah teater lakonannya berjudul *Asy Sura* mahu didedikasikan kepada guru-guru teaternya pada penghujung tahun nanti.

Cerita perkenalannya dengan tunang dan perkahwinan yang bakal diadakan tahun depan turut menarik banyak perhatian.

"Apa yang terdedah di media itu memberi petanda awal bahawa perkara itu rupa-rupanya boleh jadi perhatian, saya ingat cerita itu biasa-biasa sahaja. Jadi saya kena berhati-hati kerana ada bahayanya. Kira macam dugaan juga, orang akan memperhatikan dan mula bercakap jika sesuatu berlaku kelak. Itu yang saya kena terima. Itu bayarannya jika nama dikenali umum. Saya terkejut juga apabila baca kisah perkenalan saya dan tunang di akhbar, tapi ambil pendekatan positif sahaja," ulasnya tentang kisah pertunangan bersama Fara Afiza Azman, 23, pada Ogos lalu yang banyak tersiar sejak kebelakangan ini.

**HAIRI SAFWAN** • Nama sebenar: Mohd. Hairi Safwan Aznan  
 • Umur: 25 tahun • Tarikh lahir: 16 Januari 1988 • Asal: Alor Setar, Kedah • Pendidikan: Diploma Teater Aswara  
 • Teater: *Hamlet*, *Sri Mersing* dan *Pelantaq* • Filem: *Hantu Air* dan *Spelt Gravy On Rise* • Drama: *Takbir Terakhir*, *Selipar Jepun Suria*, *Kapoww!!!* *Lagenda Astromen*, *Senja Permai*, *Pelita Tanpa Sumbu*, *Korban Haji dan Aku* • Pencapaian: Juara *Anak Wayang* (2009), Pelakon Lelaki Terbaik Festival Teater Kebangsaan (2012) menerusi teater *Pelantaq*. *Kapoww!!!* *Lagenda Astromen*.

|            |                                |             |                     |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Kecerdikan Hairi Safwan teruji |             |                     |
| MediaTitle | Kosmo Ahad                     |             |                     |
| Date       | 27 Oct 2013                    | Color       | Full Color          |
| Section    | Semasa                         | Circulation | 120,848             |
| Page No    | 48                             | Readership  | 269,000             |
| Language   | Malay                          | ArticleSize | 631 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                            | AdValue     | RM 7,560            |
| Frequency  | Daily                          | PR Value    | RM 22,681           |

